

30/08/1999

Festival belia meriah

Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Ahad - Festival Belia dan Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-42 yang pertama kali diadakan di Bangsar dekat sini, mendapat sambutan meriah dengan pengunjung berharap ia dijadikan acara tahunan.

Festival dua hari yang bermula semalam itu mendapat sambutan hangat daripada masyarakat setempat terutamanya golongan muda sebagai menghargai kemerdekaan negara dan menunjukkan rasa cinta terhadap tanah air.

Beberapa pengunjung dan peniaga yang ditemui di festival itu menyatakan, selain berpeluang menunjukkan semangat patriotisme, mereka juga dapat melihat dan mengimbuai kejayaan rakyat negara menerusi pameran yang disediakan.

Bukan sahaja golongan muda, mereka yang dewasa turut mengunjungi festival berkenaan. Salah seorang yang ditemui, Siti Kabey Mohd Kutubudin, 44, berkata beliau membawa empat anak remajanya ke festival itu.

"Festival ini sungguh meriah dengan pelbagai acara diadakan. Saya menggalakkan anak saya menyertai program perbarisan pada festival ini untuk menyemai rasa cinta kepada negara dalam diri mereka.

"Selain itu, saya dapat mendidik mereka supaya menyertai pelbagai acara berfaedah ketika masa lapang mereka seperti acara sukan yang diadakan pada festival ini," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga, Ewan Mohammad, 22, berkata festival ini perlu diadakan setiap tahun bagi memberi peluang kepada generasi muda menunjukkan kecintaan mereka terhadap negara serta menyertai pelbagai acara berfaedah.

"Kita berharap festival itu diadakan setiap tahun dan membabitkan tempoh yang lebih lama bagi membolehkan pelbagai acara diadakan," katanya.

Tinjauan Berita Harian petang ini, mendapati ribuan warga kota terutamanya golongan muda membanjiri tapak karnival itu dan melawat pelbagai gerai pameran.

Majlis perasmian festival bertema 'Kejayaan Lalu Inspirasi Alaf Baru' disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam tadi.

Pelbagai acara disediakan, antaranya permainan papan luncur beroda, berbasikal bukit dan memanjat tembok batu tiruan.

Pagi ini, acara bola sepak jalanan diadakan mulai jam 7 pagi hingga 1 petang, selain persembahan Patriotik Gig oleh artis muda seperti Kumpulan OAG, Dead Mushrooms dan Too Phat.

Pada sebelah malam pula, diadakan persembahan nasyid oleh Imad, Aeman, Sidiq dan Amal. Persembahan secara langsung turut diadakan artis terkemuka antaranya Ziana Zain, M Nasir, Innuendo, Rem, Liza Hanim.

Selain itu, persembahan tradisional diadakan oleh kumpulan Telekom dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

(END)